

## **ZAKAT: KEHARMONIAN MASYARAKAT DAN KEMAKMURAN NEGARA**

*Hassan Bin Hj.Arshad  
Universiti Malaysia Perlis  
Azura Binti Mohd.Noor  
Universiti Teknologi MARA Perlis*

### **ABSTRAK**

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga dan merupakan sumber penjanaan ekonomi yang bermanfaat kepada negara secara amnya dan masyarakat khususnya. Dari sudut bahasa zakat bererti keberkatan, kesucian, perkembangan dan kebaikan. Sementara dari sudut syarak pula zakat ialah sebahagian harta tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam al-Quran. Dalil-dalil dan ijmak bersepakat bahawa zakat adalah wajib dikeluarkan oleh orang Islam yang berkemampuan. Pengurusan zakat yang sistematik mampu memperbaiki kedudukan masyarakat dari segi moral dan taraf hidup. Ia dapat membersihkan jiwa dari sifat kedekut dan bakhil. Malahan ia juga merupakan satu sumber penjanaan ekonomi Islam dan penjamin ke arah kestabilan dan kesinambungannya. Golongan penerima zakat terdiri daripada fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabillah, ibnissabil. Zakat mendidik umat Islam bantu-membantu satu sama lain untuk kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat dan sekaligus membantu memakmurkan negara.

### **PENDAHULUAN**

Islam merupakan agama yang syumul diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia untuk dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan di dunia. Dalam bidang ekonomi juga, Islam tidak ketinggalan untuk memberi garis panduan dalam penjanaan sumber ekonomi seperti infaq, zakat dan wakaf beserta pemanfaatannya kepada negara secara amnya dan masyarakat khususnya. Pengeluaran zakat dinuktahkan sebagai rukun Islam yang ketiga sebagai satu tanda kesyukuran terhadap nikmat Allah SWT.

Zakat diwajibkan di Madinah pada bulan Syawal tahun kedua hijrah yang telah diwajibkan puasa Ramadan dan Zakat Fitrah. Zakat tidak diwajibkan kepada semua Nabi dan Rasul, kerana zakat berfungsi sebagai alat pembersih kotoran dan dosa, sedangkan para Nabi dan Rasul terbebas dari dosa dan kemaksiatan kerana mereka mendapat jaminan penjagaan dari Allah SWT. Di samping itu kekayaan yang ada di tangan para Nabi adalah amanah Allah SWT yang tidak dapat diwariskan.

Landasan kewajipan zakat disebutkan dalam Al-Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama.

**Firman Allah SWT:**

**وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَةَ وَارْكِعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ**

**Yang bermaksud:** *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.*

(Surah Al-Baqarah, Ayat: 43)

Rasulullah SAW bersada yang diriwayatkan Bukhari dan Muslim dari Abdullah bin Umar yang maksudnya :

*"Islam dibina atas lima rukun : Syahadat tiada tuhan kecuali Allah dan Muhammad SAW utusan Allah, mendirikan sembahyang, membayar zakat , menunaikan haji dan puasa Ramadan.."*

Ulama baik salaf (klasik) mahupun khalaf (mutakhir) telah sepakat akan kewajipan zakat dan bagi yang mengingkarinya bererti telah keluar dari Islam .

## **PENGERTIAN ZAKAT**

Pengertian zakat dari sudut bahasa ialah keberkatan, kesucian, perkembangan dan kebaikan. Zakat mampu mengembangkan harta yang telah dikeluarkan zakatnya dan menjauhkannya dari segala kerosakan sebagaimana Ibnu Taimiah berkata: Diri dan harta orang yang mengeluarkan zakat menjadi suci dan bersih serta hartanya berkembang secara maknawi.

Pengertian zakat dari sudut syarak ialah sebahagian harta tertentu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran.

## JENIS – JENIS ZAKAT DARI PELBAGAI AKTIVITI EKONOMI

Zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat harta dan zakat fitrah.

**Zakat harta** adalah pengeluaran zakat di atas lima jenis harta yang dimiliki iaitu :

- (a) **Zakat Barang Berharga (Emas, Perak, Pendapatan, Saham dan Mata Wang), Perhiasan dan Barang-barang Yang Mempunyai Hukum Yang Sama Dengannya**

*Emas* yang disimpan adalah emas yang tidak dipakai. Nisab emas adalah 20 misqal atau 85 gram emas. Zakat yang perlu dibayar ialah 2.5%. Nisab *perak* adalah 200 dirham atau 595 gram perak. Zakat yang perlu dibayar ialah 2.5%.

*Hasil dari pekerjaan* yang baik adalah sumber zakat. Pendapatan termasuk gaji, bonus, komisen diterima, pemberian, pendapatan profesional/perundingan, hasil sewa dan sebagainya. Para Fuqoha menerangkan bahwa semua pendapatan tersebut sebagai "Mal Mustafad" iaitu perolehan baru yang termasuk dalam sumber harta yang dikenakan zakat. Nisab bagi zakat pendapatan ini merujuk kepada nilai 85 gram emas.

*Firman Allah SWT :*

وَمَمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتٍ مَا كَسَبْتُمْ  
الْخَيْثَ مِنْهُ تَنْفُقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنَّ مِنَ الْأَرْضِ صَلَوةً لَا تَيْمَمُوا  
تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ

*Yang bermaksud : Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.*

*(Surat Al-Baqarah, Ayat 267).*

## KIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

### **Kaedah 1**

Menggunakan kaedah pendapatan kasar (Tanpa Tolakan) 2.5% atas jumlah pendapatan kasar setahun

#### **Contohnya :**

Jumlah pendapatan kasar setahun : RM 40,000.00

Jumlah yang dikenakan zakat (2.5%) : RM1,000.00

Bayaran bulanan : RM1,000.00 /12 = RM83.33

### **Kaedah 2**

Menggunakan kaedah pendapatan bersih

(Pendapatan Setahun ditolak perbelanjaan yang dibenarkan setahun) x 2.5%

Perbelanjaan yang dibenarkan tolakan (setahun) :

**Diri** : RM 9,000.00

**Isteri** : RM 3,000.00

**Anak** : RM 1,000.00

**KWSP** : 11% daripada pendapatan kasar pekerja

**Sumbangan Ibu Bapa** : RM (jumlah yang diberi) sebulan x 12 bulan

Caruman ke organisasi yang membayar zakat (contoh : Lembaga Tabung Haji, Takaful )

Cara menghitung **Zakat Saham** adalah 2.5% atas jumlah terendah dari semua saham yang dimiliki selama setahun, setelah ditolak atau dikeluarkan pinjaman untuk membeli saham (jika ada).

**Zakat mata wang** seperti **simpanan tetap** dikira apabila ia genap setahun dan jumlahnya melebihi batas nisab (nilai 85 gram emas) maka wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% dari jumlah simpanan tersebut. Bagi **simpanan biasa**, cara mengiranya adalah dengan melihat amaun terendah dari jumlah simpanan dalam tempoh setahun. Haulnya hendaknya dihitung dari tarikh mula sehingga berakhirnya haul simpanan tersebut. Jika terdapat faedah bank, maka amaun faedah tersebut perlu ditolak dahulu dari jumlah simpanan yang dimiliki.

Emas atau perak yang dipakai sebagai *perhiasan* oleh wanita (hanya sekali-kali atau dipakai terus menerus) tidak dikenakan zakatnya, sekiranya tidak melebihi URUF (nilai kebiasaan pemakaian setempat). Sekiranya melebihi URUF, maka jika emas, wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak 2.5% atas kelebihan dari nilai uruf.

(b) **Zakat Binatang Ternakan dan Hasil Kekayaannya**

Binatang Ternakan yang wajib dizakat meliputi Unta, Lembu, Kerbau dan Kambing.

*Binatang yang dipakai membajak sawah atau menarik gerabak tidak wajib dikenakan zakat. ditegaskan oleh Nabi Muhammad SAW. "Tidaklah ada zakat bagi sapi yang dipakai bekerja."*


*(H.R. Abu Daud dan Daruquthni)*

Nisab bagi *Unta* ialah apabila memiliki 5 ekor unta dan lebih (**Jadual 1**), *Lembu dan Kerbau* apabila memiliki 30 ekor dan lebih (**Jadual 2**) dan bagi *Kambing* :apabila memiliki 40 ekor dan lebih (**Jadual 3**).

(c) **Zakat Tanaman dan Buah-buahan (Pertanian)**

Hasil pertanian yang wajib dikeluarkan zakat ialah yang dapat dijadikan makanan seperti Tumbuh-tumbuhan (padi, jagung, gandum dan sebagainya) dan buah-buahan (kurma)

*Firman Allah SWT:*



يَنْعِمُ الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتٍ مَا كَسَبُوا وَمِمَّا  
أَخْرَجَ اللَّهُمَّ مِنَ الْأَرْضِ

*Yang bermaksud : Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.*

*(Surah Al-Baqarah, Ayat 267)*

Buah-buahan yang wajib dikeluarkan zakatnya sebagaimana *sabda Rasulullah SAW yang bermaksud* :

*Tidak ada sedekah (zakat) pada biji dan kurma, kecuali apabila mencapai lima wasaq (lebih kurang 700 kg)*

(*Hadis riwayat Muslim*)

Nisab bagi zakat hasil pertanian sesuai dengan sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةَ أَوْسُقٍ مِّنْ تَمْرٍ وَلَا حَتَّىٰ صَدَقَةً.

*Dari 'Abdullah r.a Nabi SAW telah bersabda:*

*Tanam-tanaman yang diairi dengan air hujan, mata air atau yang tumbuh merata-rata, zakatnya satu persepuuh, dan yang diairi dengan tenaga pengangkutan zakatnya satu perdua puluh*

(*Hadis riwayat Bukhari*)

Nisab hasil pertanian yang sudah dibersihkan ialah 5 wasaq (kira-kira 700 kg). Sementara yang masih berkulit ialah 10 wasaq ( kira-kira 1,400kg).

Zakat yang perlu dibayar ialah 10% (sepersepuluh) jika diairi dengan air hujan, air sungai siraman air yang tidak dengan pembelian. Jika diairi yang diperoleh dengan pembelian (menggunakan alat), maka zakatnya 5% (seperduapuluhan). Semua hasil pertanian yang sudah masak wajib dikeluarkan zakat

#### (d) Zakat Komoditi Perniagaan dan Perindustrian

Perniagaan adalah satu hasil usaha yang dikenakan zakat apabila telah cukup syarat-syarat. Nisab dan pembayaran zakat adalah mengikut nilai emas (85 gram) dan 2.5%.

*Firman Allah SWT:*

وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ رِجَالٍ لَا تُنْهِيهِمْ تِجَارَةً وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ  
تَتَقَبَّلُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ الزَّكَاةُ لَا يَخَافُونَ يَوْمًا  
لِيَجْزِيَهُمُ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَيَزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلِهِ ۖ وَاللَّهُ يَرْزُقُ  
مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

*Yang bermaksud : Laki-laki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak pula oleh jual beli dari menyebut tentang mengingati Allah dan mendirikan solat serta membayar zakat; mereka takutkan kepada suatu hari yang hati penglihatan menjadi goncang (berbalik-balik). (Mereka mengerjakan semua itu) supaya Allah membalaas mereka dengan sebaik-baik balasan dari apa yang mereka kerjakan dan supaya Allah menambahkan kurniaNya kepada mereka. Dan Allah memberi rezeki kepada siapa yang dikehendakiNya tanpa batas.*

*(Surah An-Nur, Ayat 37-38)*

**(e) Zakat Hasil Galian atau Kekayaan yang ditemui (Rikaz)**

Hasil galian yang wajib dikeluarkan zakat ialah emas dan perak. Sementara **Rikaz** ialah harta benda orang purba kala yang berharga yang ditemui oleh orang zaman kini. Barang Rikaz umumnya berupa emas dan perak atau benda logam selainnya yang berharga. Ia tidak memerlukan syarat pemilikan setahun.

Nisab dan Zakat Hasil Galian dan Rikaz adalah dengan nisab emas dan perak iaitu 85 gram (emas) dan 595 gram (perak).

**Zakat fitrah** pula merupakan zakat peribadi yang harus dikeluarkan pada Hari Raya Aidilfitri. Yang wajib dizakatkan ialah untuk diri sendiri: tua atau muda, baik lelaki maupun perempuan dan orang-orang yang hidup di bawah tanggungannya. Zakat yang perlu dikeluarkan ialah setiap seorang 1 sha' (2.5kg) dari beras atau lainnya yang menjadi makanan ruji bagi penduduk sesebuah negeri. Ia dikeluarkan semenjak permulaan bulan Ramadhan sehingga sebelum solat Aidilfitri

## HUKUM ZAKAT

Zakat merupakan rukun ketiga dari lima rukun Islam dan ia juga merupakan salah satu di antara panji-panji Islam di mana Islam tidak boleh ditegakkan tanpanya. Dalil-dalil dan ijmak bersepakat bahawa zakat adalah wajib dikeluarkan. Orang yang enggan membayar zakat boleh diperangi dan orang yang menolak kewajipan zakat adalah dianggap keluar dari agama Islam.

## HIKMAH DISYARIATKAN ZAKAT

Di antara hikmat disyariatkan zakat ialah **Pengurusan zakat yang sistematik mampu memperbaiki kedudukan masyarakat dari segi moral dan taraf hidup**. Ia dapat mengelakkan daripada orang tidak berkemampuan melakukan sebarang jenayah hanya untuk sara hidup. **Zakat dapat membersihkan jiwa dari sifat kedekut dan bakhil**. Ia melatih seseorang mukmin menjadi dermawan dan belas kasihan terhadap orang lain yang kurang berkemampuan.

*Firman Allah SWT :*

وَلَا يَحْسِنُ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرًا لَهُمْ ۖ إِلَّا  
هُوَ شَرٌّ لَهُمْ ۖ سَيُطْوَقُونَ مَا بَخْلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

*Yang bermaksud: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya, menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan dia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhikan itu pada hari kiamat kelak.*

*(Surah Al-Imran, Ayat: 180)*

**Zakat merupakan satu sumber penjanaan ekonomi Islam dan penjamin ke arah kestabilan dan kesinambungannya.** Ia berfungsi sebagai pengagihan kekayaan dari yang kaya kepada yang miskin dan mewujudkan kestabilan ekonomi negara. Selain itu, **zakat ini juga merupakan suatu ibadat** untuk memperoleh rahmat daripada Allah SWT.

*Firman Allah SWT:*

هُدَنَا إِلَيْكَ هَلَّ قَالَ عَذَابِي وَأَكْتُبْ لَنَا فِي هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ إِنَّا  
يَتَقْوَنَ وَرَحْمَتِي وَسِعْتُ كُلَّ شَيْءٍ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ أُصِيبُ بِهِ مِنْ أَشَاءُ  
يُؤْمِنُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِنَا

*Yang bermaksud : Dan tetapkanlah untuk kami kebijakan di dunia ini dan di akhirat; sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada Engkau. Allah berfirman: "Siksa-Ku akan Kutimpakan kepada siapa yang Aku kehendaki dan rahmat-Ku meliputi segala sesuatu. Maka akan Aku tetapkan rahmat-Ku untuk orang-orang yang bertakwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami".*

(Surah Al-A'raaf, Ayat: 156).

Tidak dapat dinafikan bahawa zakat juga mewujudkan persaudaraan antara orang berkemampuan dan tidak berkemampuan di dalam agama Islam. Persaudaraan ini dapat melahirkan masyarakat yang prihatin dan menjamin keharmonian di dalam masyarakat di mana ahli-ahlinya bekerjasama dan sentiasa tolong-menolong ke arah kebaikan.

*Firman Allah SWT:*

فَإِنْ شَاءُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الْزَكُوَةَ فَإِخْوَانُكُمْ فِي  
الْأَدِيْنِ وَنُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

*Yang bermaksud: Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama; dan Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.*

(Surah Al-Taubah, Ayat: 11).

## **INGKAR ZAKAT DAN NATIJAHLNYA**

Sesiapa yang mengingkari kewajipan zakat bererti orang tersebut terkeluar dari agama Islam dan dia hendaklah diminta supaya bertaubat. Jika orang tersebut baru sahaja memeluk Islam, maka dia boleh dimaafkan disebabkan oleh kejahilannya tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan ajaran Islam.

Jika ada orang yang enggan membayarnya tetapi masih tetap mengakui tentang kewajipan zakat, maka orang yang berkenaan berdosa kerana tindakannya itu. Walau bagaimanapun dia tidaklah sampai terkeluar dari agama Islam. Oleh yang demikian, pemerintah wajib mengambil zakat hartanya dan sekaligus menjatuhkan hukuman takzir (pengajaran) kepadanya.

## **SYARAT-SYARAT WAJIB MENGELOUARKAN ZAKAT**

Syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat adalah orang itu merdeka, beragama Islam, baligh dan berakal serta memiliki harta dari jenis yang wajib dikeluarkan zakat iaitu meliputi zakat harta dan zakat fitrah, harta cukup nisab yang telah ditentukan oleh syarak, harta dimiliki dengan sempurna dan harta cukup haul. Harta yang dimiliki dengan sempurna bermaksud pemilik harta tersebut bebas menggunakan harta yang dimiliki olehnya tanpa campur tangan orang lain.

Harta yang cukup haul bermaksud peredaran harta satu nisab dalam 12 bulan Qamariah (bulan Hijrah). Pengiraan adalah mengikut tahun Masihi dengan penambahan kadar yang wajib dikeluarkan iaitu dari 2.5% kepada 2.577% kerana bilangan hari tahun Masihi lebih dari tahun Hijri. Tidak disyaratkan haul kepada zakat tanam-tanaman dan buah-buahan, kerana firman Allah SWT yang bermaksud: Keluarkanlah haknya iaitu zakat ketika hari menuai. (*Surah Al-An'am, Ayat : 141*), samalah juga terhadap zakat galian dan harta yang ditanam di dalam tanah di mana tidak disyaratkan haul.

Kebanyakan standard zakat harta (mal) menggunakan nilai harga emas sebanyak 85 gram. Nilai emas dijadikan ukuran nisab untuk menghitung zakat wang simpanan, emas, saham, perniagaan, pendapatan dan wang dana pencen (**Jadual 4**).

## GOLONGAN YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT (ASNAF)

*Firman Allah SWT :*

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَدْمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ  
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ  
مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

*Yang bermaksud : Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

*(Surah Al-Taubah: 60)*

Maklumat lanjut mengenai kelapan-lapan asnaf yang telah diterangkan di dalam Al-Quran sebagai berhak menerima zakat iaitu **Fakir** di mana seorang yang tidak mempunyai harta mahupun mata pencarian untuk menampung keperluan harian, **Miskin** iaitu seseorang yang tidak mempunyai mata pencarian yang mencukupi untuk menampung keperluan asas seperti makanan, pembayaran utiliti dan perubatan. **Amil** merupakan seseorang yang dilantik untuk memungut zakat dan perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan zakat.

Asnaf yang keempat ialah **Muallaf** iaitu seseorang yang baru memeluk agama Islam dan bantuan atau insentif ini diberikan supaya beliau lebih mengenal erti seorang Muslim. **Riqab** merujuk kepada seseorang yang mahu membebaskan dirinya daripada ikatan atau belenggu perhambaan. Sementara **Gharimin** ialah seseorang yang terpaksa berhutang dan memerlukan bantuan untuk menampung keperluan asasnya.

Asnaf seterusnya ialah **Fisabilillah** iaitu mereka yang berjuang kerana Allah, dan demi kebaikan masyarakat. Asnaf yang terakhir ialah **Ibnissabil** iaitu musafir yang terkandas dalam perjalanan yang dibenarkan.

## **GOLONGAN YANG TIDAK BERHAK MENERIMA ZAKAT**

Golongan yang tidak berhak menerima zakat ialah orang kaya, hamba, keluarga Nabi Muhamad SAW, orang kafir dan orang yang wajib diberi nafkah oleh orang yang berzakat seperti isteri, anak-anak dan ibu bapa.

## **KESIMPULAN**

Aturan di dalam Islam adalah amat indah. Umat Islam telah diberikan satu mekanisme iaitu zakat untuk membantu menjanakan ekonomi negara di samping memperoleh nikmat Allah SWT. Pengurusan zakat yang teratur dan sistematik mampu memperbaiki kedudukan masyarakat dari sudut moral dan meningkatkan taraf hidup ahli-ahlinya. Zakat mendidik umat Islam bantu-membantu satu sama lain untuk kesejahteraan hidup dan sekaligus membantu keharmonian negara.

## **RUJUKAN**

Abdul Aziz Ismail. (2006). *Puasa, Zakat, Haji, Muamalat*. Kuala Lumpur : Progressive Publishing House Sdn.Bhd.

Abu Syuja' Ahmad. (2011). *Fiqh Sunnah Imam Syafie : Pedoman Dalam Kehidupan Islam*. Selangor : Al-Hidayah Publication.

Husein Sahata. (2003). *Kaedah Agihan Zakat Harta : Pengertian, Sistem dan Agihannya*. Kuala Lumpur : Pustaka al-Shafa.

Mohammad Nidzam Abdul Kadir . (2006). *Soal Jawab Remeh Temeh Tentang Zakat Tapi Anda Malu Bertanya*. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn.Bhd.

*Panduan Ibadah Muslim*. (2005). Malaysia : Pusat Islam UUM.

Syaikh Mahmoud., &, Syaikh M.Ali. (1991). *Perbandingan Mazhab Dalam Masalah Fiqih*. Jakarta : Bulan Bintang.

## LAMPIRAN

### Jadual 1 : Unta : Nisab dan Zakat yang perlu dibayar.

<b><u>Bilangan</u></b>	<b><u>Zakat yang dikeluarkan</u></b>
i) 5 – 9 ekor	= 1 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)
ii) 10 - 14 ekor	= 2 ekor kanbing (umur 2 tahun lebih)
iii) 15 – 19 ekor	= 3 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)
iv) 20 - 24 ekor	= 4 ekor kambing ( umur 2 tahun lebih)
v) 25 – 35 ekor	= 1 ekor unta betina (umur 1 tahun lebih) ( <i>binti makhadh</i> ) @ 1 ekor unta jantan (umur 2-3 tahun) ( <i>ibn ladun</i> )
vi) 36 – 45 ekor	= 1 ekor unta betina (umur 2 tahun lebih) ( <i>binti labun</i> )
vii) 46 – 60 ekor	= 1 ekor unta betina (umur 3 tahun lebih) ( <i>huqqah</i> )
viii) 61 - 75 ekor	= 1 ekor unta betina (umur 4 tahun lebih) ( <i>jidz'ah</i> )
ix) 76 – 90 ekor	= 2 ekor unta betina (umur 2 tahun lebih) ( <i>binti labun</i> )
x) 91 – 120 ekor	= 2 ekor unta betina (umur 3 tahun lebih) ( <i>huqqah</i> )
xi) 121 ekor	= 3 ekor unta betina (umur 2 tahun lebih)
xii) Mulai dari 121, setiap tambahan 40 ekor	= 1 ekor unta (umur 2 tahun lebih)
xiii) Dan setiap tambah 50 ekor	= 1 ekor unta (umur 3-4 tahun)

### Jadual 2 : Lembu/Kerbau : Nisab dan Zakat yang perlu dibayar

<b><u>Bilangan Lembu/kerbau</u></b>	<b><u>Zakat yang dikeluarkan</u></b>
i) 30 - 39 ekor	= 1 ekor anak lembu/ kerbau (umur 1 tahun lebih) ( <i>ta-bi'</i> )
ii) 40 - 59 ekor	= 1 ekor lembu/kerbau betina (umur 2 tahun lebih) ( <i>Musinnah</i> )
iii) 60 - 69 ekor	= 2 ekor anak lembu / kerbau (umur 1 tahun lebih) ( <i>ta-bi'</i> )
iv) 70 - 79 ekor	= 1 ekor anak lembu / kerbau ( <i>ta-bi'</i> ) dan 1 ekor <i>musinnah</i>
v) 80 - 89 ekor	= 2 ekor anak lembu/ kerbau (umur 2 tahun lebih) <i>musinnah</i>
vi) 90 - 99 ekor	= 3 ekor anak lembu/ kerbau (umur 1 tahun lebih) <i>ta-bi'</i>
vii) 100 - 109 ekor	= 3 ekor <i>ta-bi'</i> dan 1 ekor <i>musinnah</i>

*Zakat kerbau bersamaan dengan zakat lembu, baik nisab mahupun zakatnya.*

### **Jadual 3 : Kambing : Nisab dan Zakat yang perlu dibayar**

<b><u>Bilangan Kambing</u></b>	<b><u>Zakat yang dikeluarkan</u></b>
i) 40 – 120 ekor	= 1 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)
ii) 121 – 200 ekor	= 2 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)
iii) 201 – 300 ekor	= 3 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)
iv) 301 – 400 ekor	= 4 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)
v) 401 – 500 ekor	= 5 ekor kambing (umur 2 tahun lebih)

*Dan seterusnya tiap-tiap 100 ekor kambing zakatnya 1 ekor*

#### Jadual 4 : Nisab dan Kadar Zakat

Bil	Jenis Harta	Nisab	Kadar Zakat
<b>1.</b>	<b>Barangan berharga :</b>		
	<b>Wang tunai</b>	Mengikut nilai emas : 20 dinar (85 gram) atau lebih.	<b>2.5% (1/40)</b>
	<b>Emas</b>	20 dinar (85 gram) atau lebih.	<b>2.5% (1/40)</b>
	<b>Perak</b>	200 Dirham (595 gram) atau lebih	<b>2.5%</b>
<b>2.</b>	<b>Binatang ternakan :</b>		
	<b>Unta</b>	Memiliki 5 ekor unta atau lebih	<b>Jadual 1</b>
	<b>Lembu dan Kerbau</b>	Memiliki 30 ekor lembu/kerbau atau lebih	<b>Jadual 2</b>
	<b>Kambing dan Biri-biri</b>	Memiliki 40 ekor kambing atau lebih	<b>Jadual 3</b>
<b>3.</b>	<b>Hasil perniagaan</b>	Mengikut nilai emas : 20 dinar (85 gram) atau lebih.	<b>2.5% (1/40)</b>
<b>4.</b>	<b>Hasil pertanian</b>	Hasil yang sudah dibersihkan : Lima wasaq (kira-kira 700kg)  Hasil berkulit : 10 wasaq (kira-kira 1,400 kg)	<b>10% : Jika pengairan dari sungai dan hujan</b>  <b>5% : Jika pengairan dengan alat</b>
<b>5.</b>	<b>Hasil Galian atau Temuan (Rikaz)</b>	Emas : 20 dinar (85 gram) atau lebih. Perak : 200 Dirham (595 gram) atau lebih	<b>2.5% (1/40)</b>
<b>6.</b>	<b>Zakat Fitrah</b>	Setiap orang yang hidup di kala matahari terbenam pada akhir Ramadhan	<b>1 sha' (2.5 kg) dari beras atau makanan ruji sesuatu negeri.</b>